

04 MAR 1997

Mahathir-Disiplin

HARAPAN TIPIS BAGI ANGGOTA UMNO YANG DIKENAKAN TINDAKAN DISIPLIN

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Anggota Umno yang dikenakan tindakan disiplin atas kesalahan serius hanya boleh mengemukakan rayuan untuk menyertai semula parti selepas tiga tahun menjalani "hukuman".

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi masih berpegang kepada keputusan lama iaitu tidak membenarkan mereka membuat rayuan sebelum tamat tempoh tiga tahun.

Antara kesalahan serius itu termasuk menyokong calon parti lawan dalam pilihan raya atau penggunaan wang dan salahguna kedudukan semasa pemilihan parti, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di sini malam ini.

"Kita berpegang kepada keputusan lama yang dibuat iaitu anggota parti yang terlibat dalam kesalahan serius terpaksa tunggu tiga tahun sebelum dibenar mengemukakan rayuan," katanya.

Tanpa menyebut kes tertentu, Dr Mahathir menjelaskan ia membabitkan semua kes yang dianggap serius terutama dalam pilihan raya kerana menyokong calon parti lawan dan penggunaan wang dalam parti.

Pada 27 Feb lepas Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno membuat keputusan untuk menyerahkan kepada MT mengenai kedudukan bekas anggota exco Pergerakan Pemuda Umno, Tajuddin Abdul Rahman yang dikatakan menyertai semula parti melalui permohonan anggota bekas Parti Melayu Semangat 46.

Setiausaha Agung parti, Datuk Sabbaruddin Chik sebelum ini pernah berkata walaupun permohonan untuk menjadi anggota parti boleh dibuat melalui cawangan bekas S46 tetapi permohonan mereka yang telah dikenakan disiplin perlu diteliti. -- BERNAMA

ARA RON